

# Kerajaan berusaha kekalkan A

nanya  
diguna  
untuk kes  
tertentu

DARI MUKA 1 JAN 2000

tokoh politik yang ditahan menerusi ISA, sebaliknya akta itu hanya digunakan terhadap kes tertentu seperti penyalahgunaan dadah dan berhubung penipuan atau pemalsuan," katanya.

Ketika diminta mengulas mengenai penahanan beberapa tokoh pembangkang termasuk Karpal Singh, baru-baru ini, beliau berkata, ia dibuat kerana semua orang adil di sisi undang-undang.

"Masalahnya ialah di Malaysia, jika tindakan diambil terhadap pemimpin kerajaan, tiada siapa akan mempertikaikannya tetapi apabila ia membabitkan pembangkang, kerajaan akan dituduh tidak berlaku adil.

"Sebenarnya, bagi kita semua orang sama tetapi media asing dan pihak tertentu sering beranggapan sebaliknya. Mungkin mereka mahu supaya sesiapa yang menentang kerajaan dikesualikan daripada tindakan mahkamah," katanya.

Perdana Menteri ketika ditanya mengenai sama ada perubahan diperlukan dalam Umno berkata, memang ia akan dilakukan tetapi hanya jika perkara itu akan membawa kebaikan.

Antara perubahan itu ialah usaha membebaskan pemikiran masyarakat daripada belenggu lapuk dan memberi kesedaran sesetengah isu yang dimainkan oleh pembangkang kini ialah sekadar melaungkan slogan sahaja.

Selain itu, katanya, Umno akan berusaha memastikan bahawa sebarang perubahan yang dicadangkan perlu sentiasa bersesuaian dengan budaya serta nilai hidup masyarakat Malaysia.

Dalam sesi dialog itu, Perdana Menteri menegaskan beliau bukanlah antipeguam seperti yang digembar-gembar oleh sesetengah pihak di dalam dan luar negara.

"Sudah tentu saya bukan antipeguam kerana ada ketikanya saya memerlukan khidmat mereka. Bagaimanapun, saya sering berpendirian bahawa kita memerlukan lebih ramai peguam berwibawa di Malaysia," katanya.

BH 31 JAN 2000

keputusan mengenai perkara ini. Semua ini mempunyai kaitan dengan tempoh pajakan di dua daripada blok bangunan ini yang akan tamat tahun depan.

"Bagaimanapun hasrat kita ialah untuk sentiasa terus mengekalkan Malaysia Hall dalam bentuk sedia ada ataupun dalam bentuk lain," katanya pada majlis dialog selama dua jam dengan penuntut Malaysia di sini, hari ini.

Perdana Menteri ditanya sama ada

kerajaan akan berusaha memperbaharui pajakan bangunan berkenaan yang mungkin bermakna Malaysia Hall terpaksa ditutup atau dipindahkan ke tempat lain.

"Mungkin di sini, ataupun di tempat lain. Tetapi, saya rasa sudah biasa dengan tempat ini dan lebih selesa jika yang ini dikekalkan. Jadi, kita akan lihat apa yang kita lakukan ke arah itu," kata Dr Mahathir.

Mengenai pelaksanaan projek mega,

## Malaysia Hall

Perdana Menteri berkata, beliau tidak pasti apa yang dimaksudkan sebagai projek mega kerana ia adalah relatif dari segi kos ataupun saiznya.

"Bagi kita projek seperti Lapangan Terbang Antarabangsa di Sepang, Menara Kembar Petronas dan Putrajaya ialah projek besar yang dilaksanakan selepas penilaian terperinci dibuat.

"Ia bukanlah projek mega, sebaliknya sesuatu yang akan diperlukan oleh

negara pada masa depan, seperti juga Empangan Bakun dan projek membawa air dari Pahang ke Selangor," katanya.

Ditanya mengenai pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Dr Mahathir berkata, semua pihak perlu sedar bahawa ia bukan alat untuk menekan pembangkang.

"Contohnya, sejak 1987 lagi, tiada

LIHAT MUKA 2

Daripada Azizi Othman

LONDON, Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan berusaha mengekalkan bangunan Malaysia Hall di sini untuk kepentingan masyarakat Malaysia di Britain.

Menurut Perdana Menteri, walaupun ketika ini belum ada keputusan dibuat berkaitan isu pajakan Malaysia Hall yang akan tamat tidak lama lagi, bangunan itu diharap dapat dikekalkan.

"Kita masih belum membuat sebarang